



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY
Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



KITASELANGOR

Ruj.Kami: PWN.SEL(S)700-4/1/6 Jld.3 (30)

Tarikh: 30 Zulqa'dah 1446H

28 Mei 2025

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Negeri

YBhg Dato'/ Tuan/ Puan,

KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN/PROJEK KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai makluman YBhg Dato'/ Tuan/ Puan, YAB Perdana Menteri semasa Sidang Khas Parlimen pada 5 Mei 2025 telah membentangkan strategi untuk memastikan kestabilan ekonomi serta mempertahankan kepentingan negara bagi jangka masa pendek dan sederhana dalam menangani pengumuman pentadbiran Amerika Syarikat berkenaan tarif timbal balik import terhadap Malaysia. Berikutan itu, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju agar had nilai sebut harga ditingkatkan daripada RM1 juta kepada RM3 juta dan had nilai cabut undi ditingkatkan daripada RM100 ribu kepada RM200 ribu untuk mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan dan seterusnya meningkatkan daya tahan ekonomi domestik.

3. Dalam hal ini, Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) telah meneliti Pekeliling Perbendaharaan PK 2.21 – Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2025 yang telah dikemas kini oleh Kementerian Kewangan Malaysia selaras dengan keputusan Kerajaan tersebut dan bersetuju melaraskan semula kaedah perolehan / projek Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2025 seperti berikut:

3.1 Perancangan Perolehan Tahun 2025

3.1.1 Agensi hendaklah merancang dan melaksanakan proses perolehan lebih awal bagi memastikan semua perolehan dan projek dapat

disiapkan dan bayaran disempurnakan menggunakan peruntukan 2025 sepertimana yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri.

- 3.1.2 Pelawaan perolehan lebih awal iaitu selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2025 akan benar-benar membantu pencapaian objektif Kerajaan memberi kelonggaran tatacara ini. Kegagalan Agensi memanfaatkan inisiatif yang diperkenalkan ini akan menjejaskan bukan sahaja usaha merancakkan aktiviti ekonomi negara malah sebarang pertimbangan kelonggaran tatacara pada masa hadapan.
- 3.1.3 Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) 2025 selepas mengambil kira kelonggaran had nilai yang dibenarkan oleh surat pemberitahuan ini.

3.2 Kuasa Menandatangani Surat Setuju Terima

- 3.2.1 Jabatan/Agensi hendaklah memastikan bahawa hanya Pegawai Awam yang telah diturunkan kuasa secara bertulis di bawah Sekyen 2, Akta Kontrak Kerajaan 1949 menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan mengikut had nilai yang dibenarkan.
- 3.2.2 Pegawai yang tidak diberi penurunan kuasa untuk menandatangani kontrak atau pegawai yang menandatangani kontrak melebihi had nilai penurunan kuasa oleh Menteri Besar boleh dikenakan tindakan tatatertib
- 3.2.3 Bagi pihak syarikat pula, Agensi hendaklah memastikan hanya penama dalam sijil pendaftaran Kementerian Kewangan, CIDB, PUKONSA dan UPKJ sahaja menandatangani Surat Akuan Penerimaan SST dan dokumen kontrak.

3.3 Kebenaran Mempakejkan Perolehan Tahunan Bagi Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja

- 3.3.1 Agensi Kerajaan dibenarkan untuk mempakej perolehan tahunan kepada pakej yang lebih kecil untuk dilaksanakan secara sebut harga atau undian (bagi perolehan kerja) berbanding tender.

3.3.2 Agensi **TIDAK** dibenarkan untuk mempakejkan perolehan yang perlu dilaksanakan secara tender/sebut harga kepada pembelian terus atau lantikan terus.

3.3.3 Mana-mana perolehan yang telah dipecahkan kepada pakej lebih kecil dalam tempoh sehingga 31 Disember 2025, kaedah perolehan bagi baki pakej perolehan/projek yang belum dilaksanakan selepas tarikh tersebut adalah berdasarkan had nilai perolehan sedia ada berkuat kuasa.

3.4 Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan

3.4.1 Had nilai perolehan yang dibenarkan untuk dipakejkan adalah bagi perolehan bernilai melebihi RM50,000 sahaja bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan.

3.4.2 Had nilai perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan adalah kekal sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 semasa yang berkuat kuasa.

3.5 Perolehan Kerja

3.5.1 Bagi mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti ekonomi, had nilai perolehan kerja Kerajaan dinaikkan ke nilai ambang baharu seperti dalam **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
Lantikan terus	Sehingga RM50,000 (Kekal had nilai sedia ada seperti dalam PP/PK2.1	▪ Kontraktor tempatan. ▪ Kontraktor yang dipelawa hendaklah: • Berdaftar dengan CIDB Gred G1 dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan; dan • Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB).

Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
Kerja requisition secara undian	Sehingga RM200,000	▪ Menggunakan Jadual Kadar Kerja. ▪ Kontraktor tempatan. ▪ Kontraktor yang dipelawa hendaklah: • Berdaftar dengan CIDB Gred G1 dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan; dan • Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB).
Sebut harga	Melebihi RM50,000 sehingga RM200,000	▪ Kontraktor tempatan. ▪ Kontraktor yang dipelawa hendaklah: • Berdaftar dengan CIDB Gred G1 dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan; dan • Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB). ▪ Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1.
Sebut harga	Melebihi RM200,000 sehingga RM500,000	▪ Kontraktor tempatan. ▪ Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: • Berdaftar dengan CIDB Gred G2; dan • Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB).

Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
		Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1
Sebut harga	Melebihi RM500,000 sehingga RM1 juta	- Kontraktor tempatan. - Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3 (negeri berkenaan). - Kontraktor yang dipelawa hendaklah: - Berdaftar dengan CIDB Gred G3 dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan; dan - Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB). - Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1
Sebut harga	Melebihi RM1 juta hingga RM3juta	- Kontraktor tempatan. - Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G4 (negeri berkenaan). - Kontraktor yang dipelawa hendaklah: - Berdaftar dengan CIDB Gred G3 dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan; dan - Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB). - Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1

Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
Tender	Melebihi RM3 juta	- Kontraktor tempatan. - Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dengan CIDB Gred G5 hingga G7 dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta mempunyai PPK serta SPKK; - Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1
Gotong Royong	Hingga RM200,000	Pelaksanaan gotong-royong adalah tertakluk kepada tatacara yang ditetapkan dalam PK2.12 yang berkuat kuasa.

3.5.2 Bagi kerja *requisition* menggunakan Jadual Kadar Kerja sehingga RM200,000.00 yang dilaksanakan secara undian, Agensi Kerajaan hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam PKK, SPKK atau STB sahaja boleh memohon atau berdaftar dan menghadiri proses undian dan tidak mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil.

3.5.3 Bagi perolehan kerja secara sebut harga hendaklah menggunakan Inden Kerajaan atau menggunakan Surat Setuju Terima (SST) seperti peraturan yang ditetapkan dalam PP/PK4.2

3.5.4 Selain itu, Agensi Kerajaan diberi pengecualian khas kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 182, tanpa perlu merujuk kepada Jabatan Teknik bagi projek bernilai sehingga RM1 juta. Agensi Kerajaan yang telah dikenal pasti bagi projek ini adalah dilantik sebagai Agensi Pelaksana Projek dan bertanggungjawab sepenuhnya dengan mematuhi peraturan kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa.

3.6 Had Nilai Bagi Pihak Berkuasa Melulus

- 3.6.1 Had nilai untuk memutuskan sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga adalah melebihi RM50,000 sehingga RM1 juta bagi perolehan kerja yang tertakluk kepada surat pemberitahuan ini. Bagi had nilai melebihi RM1juta hendaklah diputuskan di peringkat Lembaga Perolehan Agensi.
- 3.6.2 Had nilai untuk memutuskan sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga adalah kekal melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan.

3.7 Taklimat Tender/Sebut Harga/Lawatan Tapak

- 3.7.1 Tatacara taklimat tender/sebut harga/lawatan tapak bagi perolehan bekalan, perkhidmatan, perunding dan kerja adalah seperti berikut:
- (a) Taklimat atau lawatan tapak boleh dilaksanakan secara fizikal,dalam talian atau hibrid;
 - (b) Jika taklimat tender dilaksanakan dalam talian, maklumat berkaitan spesifikasi/terma rujukan/ brif projek berkenaan perlu jelas, dan terperinci untuk membantu syarikat yang menyertai sebut harga/tender memahami kehendak Agensi; dan
 - (c) Agensi boleh memberi satu tempoh yang munasabah bagi syarikat melawat sendiri kawasan atau tapak yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga/tender berkenaan. Lawatan tapak ini dapat membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat serta mengetahui keadaan dan memperoleh maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga/tender.

3.8 Tarikh Kuat kuasa

- 3.8.1 Tarikh kuat kuasa kaedah pelaksanaan perolehan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2025 adalah mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025.

3.8.2 Pemberitahuan ini dikemaskini dan berkuat kuasa pada 1 Jun 2025.

3.8.3 Bagi maksud pelaksanaan kaedah perolehan ini, **Inden atau Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2025.**

3.8.4 Sekiranya terdapat perbezaan arahan Kementerian Kewangan, peraturan dan tatacara perolehan dalam pekeliling khusus lain, maka peraturan yang digariskan melalui surat edaran ini adalah terpakai dan berkuat kuasa bagi tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg Dato' / tuan / puan adalah dipohon agar dapat memanjangkan pemberitahuan ini kepada semua warga dan memastikan pelaksanaan perolehan di Jabatan YBhg Dato/tuan/puan adalah teratur mengikut peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa. Surat pemberitahuan ini juga dipanjangkan pemakaiannya kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri Selangor, tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"KITASELANGOR MAJU BERSAMA"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. HANIFF BIN ZAINAL ABIDIN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

SENARAI EDARAN :

JABATAN-JABATAN NEGERI SELANGOR

1. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 18, Bangunan SSAAS
40503 SHAH ALAM
(u.p. : **Bahagian Khidmat Pengurusan**)
2. Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Perbendaharaan Negeri Selangor
Tingkat 12, Bangunan SSAAS
40592 SHAH ALAM
(u.p. : **Bahagian Khidmat Pengurusan**)
3. Pengarah
Jabatan Agama Islam Negeri Selangor
Tingkat 1, Menara Selatan
Bangunan Sultan Idris Shah
No. 2, Persiaran Masjid
Seksyen 5
40676 SHAH ALAM
4. Pengarah
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor
Tingkat 5, Podium Selatan
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40626 SHAH ALAM
5. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja
Jabatan Mufti Negeri Selangor
Tingkat 7 & 8, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
No.2, Persiaran Masjid
40000 SHAH ALAM
6. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
Kompleks Ibu Pejabat JKR Selangor
Persiaran Jubli Perak, Seksyen 17
40200 SHAH ALAM

SENARAI EDARAN :

JABATAN-JABATAN NEGERI SELANGOR

7. Pengarah
Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor
Tingkat 4, Bangunan SSAAS
40576 SHAH ALAM
8. Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor
Bangunan Kehakiman Syariah
No.2, Persiaran Masjid
Bukit SUK, Seksyen 5
40000 SHAH ALAM
9. Pengarah
Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Selangor
Tingkat 15 – 18, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40646 SHAH ALAM
10. Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri Selangor
Tingkat 4, Bangunan Darul Ehsan
No.3, Jalan Indah, Seksyen 14
40632 SHAH ALAM
11. Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
Tingkat 3, Bangunan SSAAS
40503 SHAH ALAM
12. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
Unit G6, Tingkat Bawah IDCC Shah Alam
Jalan Pahat L, 15/L, Seksyen 15
40200 SHAH ALAM

SENARAI EDARAN :

JABATAN-JABATAN NEGERI SELANGOR

13. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor
Lot 2, Jalan Utas 15/7
40630 SHAH ALAM
14. YBhg. Dato' Pengelola Bijaya Diraja
Pejabat DYMM Sultan Selangor
Pejabat Istana Alam Shah
41500 KLANG
15. Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor
Tingkat 5, Menara Selatan
Bangunan Sultan Idris Shah
No.2, Persiaran Masjid
Bukit SUK, Seksyen 5
40000 SHAH ALAM
16. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 SHAH ALAM

SENARAI EDARAN :

PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

1. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Shah Alam
Tingkat 1, Wisma MBSA
Persiaran Perbandaran
40000 SHAH ALAM
2. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ
Jalan Yong Shook Lin
46675 PETALING JAYA
3. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya
Persiaran Perpaduan
Jalan USJ 5
47610 SUBANG JAYA
4. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Diraja Klang
Bangunan Sultan Alam Shah
Jalan Perbandaran
41675 KLANG
5. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
6. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 KAJANG

SENARAI EDARAN :

PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

7. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama
Pandan Indah, Selangor
55100 KUALA LUMPUR
8. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Sepang
Persiaran Semarak Api
Cyber 1
63200 CYBERJAYA
9. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Langat
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah
42700 BANTING, KUALA LANGAT
10. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Jalan Majlis
45000 KUALA SELANGOR
11. Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan
44000 KUALA KUBU BHARU
12. Yang Dipertua
Majlis Daerah Sabak Bernam
Jalan Dewan
45300 SUNGAI BESAR

SENARAI EDARAN :

PEJABAT DAERAH/TANAH NEGERI SELANGOR

1. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Petaling
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
No. 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5
40150 SHAH ALAM
2. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Klang
Jalan Kota Raja
41902 KLANG
3. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman
Persiaran Pegawai, Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
4. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat
Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Shah
Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat
Persiaran Pusat Bandar, Seksyen 9
43650 BANDAR BARU BANGI
5. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang
Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 SEPANG
6. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat
Kompleks Pejabat Daerah dan Tanah
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah
Kota Seri Langat, Sungai Sedu
42700 BANTING

SENARAI EDARAN :

PEJABAT DAERAH/TANAH NEGERI SELANGOR

7. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor
Kompleks Kerajaan Daerah Kuala Selangor
Jalan Semarak
45000 KUALA SELANGOR
8. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan
44000 KUALA KUBU BHARU
9. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam
Kompleks Pejabat Daerah Sabak Bernam
45300 SUNGAI BESAR, SABAK BERNAM

SENARAI EDARAN :

BADAN BERKANUN NEGERI

1. Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor
Perpustakaan Raja Tun Uda
Jalan Kelab Golf 13/6
Seksyen 13
40100 SHAH ALAM
2. Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor
Persiaran Bandaraya
40000 SHAH ALAM
3. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor
Wisma PKPS, , Percint 3.2
Tingkat 10 – 11, Persiaran Perbandaran
Seksyen 14
40000 SHAH ALAM
4. Pengarah
Lembaga Urus Air Negeri Selangor
Tingkat 12 & 13, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 SHAH ALAM
5. Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara, Bangunan SSAAS
40503 SHAH ALAM